



## PERANAN NGO ISLAM DALAM MEREALISASIKAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI DI MALAYSIA

(The Role of Islamic Non-Government Organizations (NGO) in Realizing the Islam  
Hadhari Approach in Malaysia)

<sup>1</sup> AZYYATI MOHD NAZIM

<sup>2,3</sup> FARIZA MD. SHAM\*

<sup>2</sup> SALASIAH HANIN HAMJAH

<sup>1</sup> Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UNISZA), 21300, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor,  
Malaysia

### ABSTRAK

Pendekatan Islam Hadhari ialah satu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan perspektif tamadun Islam. Ia juga boleh diistilahkan sebagai satu sistem, peraturan dan cara hidup yang progresif, maju, dinamik dan bertamadun tinggi yang bertujuan melahirkan umat manusia yang berilmu dan berbudaya tinggi berasaskan nilai-nilai akhlak mulia serta dapat mengharungi cabaran semasa. Usaha pelaksanaan gagasan pendekatan Islam Hadhari wajar digembleng bersama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Islam bagi menayakan misi Islam Hadhari di Malaysia. Justeru itu, beberapa NGO Islam yang telah dikenal pasti berperanan dalam merealisasikan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Antaranya ialah Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM) dan Nadwah Ulama dan Ilmuwan Malaysia (NUIM). Kajian ini mendapati setiap NGO Islam tersebut telah melaksanakan pendekatan Islam Hadhari melalui program yang dilaksanakan mengikut tumpuan bidang yang berbeza. Sehubungan ini, dapat disimpulkan bahawa peranan yang ditekankan oleh NGO Islam ialah sebagai pasukan sukarelawan dalam amal Islami dengan menghidupkan peradaban manusia dan semangat ‘amal jamā’iyy untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dan dinamik dalam mengharungi cabaran dan pelaksanaan wawasan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia.

**Kata kunci:** Islam Hadhari, NGO Islam, pendekatan, sukarelawan, sosial

\*Corresponding author: Fariza Md. Sham, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia/Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia ;Mel-e: farisham@ukm.edu.my  
Diterbitkan: 30 Oktober 2012

Diterima: 1 Februari 2013

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2014-0601-01>





## ABSTRACT

*The Islam Hadhari approach is a holistic human, societal and Malaysian development approach based on the perspective of the Islamic civilization. It can also be defined as a system, rule and lifestyle that are progressive, dynamic and civilized, with the goal of producing knowledgeable and educated people guided by noble, moral values to overcome challenges. Efforts to implement the approach in Malaysia should therefore be a collaborative effort with non-government organizations (NGOs) to accomplish the mission of Islam Hadhari. Consequently, a few Islamic NGOs who play a role in realizing Islam Hadhari in Malaysia were selected as research samples for this study. Among them are the Malaysian Islamic Charity Council (Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM)), the Malaysian Consultative Council of Muslim Women (Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM)) and the Malaysian Nadwah of Ulama and Scholars (Nadwah Ulama dan Ilmuwan Malaysia (NUIM)). The study found that each Islamic NGOs had implemented the Islam Hadhari approach via a program conducted according to their fields. It can be concluded that the roles Islamic NGOs should be a team of volunteers in Islamic charity; to revive the human civilization and the spirit of *amal jamā'iyin* in order to form a cohesive and dynamic society that can overcome the modern challenges and implement the vision of Islam Hadhari in Malaysia.*

**Keywords:** Islam Hadhari, Islamic NGO, approach, volunteerism, social

## PENDAHULUAN

Dalam melaksanakan gagasan pendekatan Islam Hadhari, jabatan kerajaan telah bertanggungjawab dalam merancang dan menyusun pelbagai pendekatan dan strategi bagi menjayakan gagasan masyarakat Islam Hadhari. Ini bermakna kerjasama yang erat hendaklah wujud dalam penyertaan masyarakat terutama yang diwakili oleh pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau dikenali sebagai Pertubuhan Masyarakat Awam. Oleh yang demikian, kerjasama dari NGO Islam sangat berperanan penting bagi merealisasikan pendekatan Islam Hadhari dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

## TAKRIF NGO

Istilah NGO atau *non-governmental Organization* (Organisasi bukan Kerajaan) digunakan sejak tertubuhnya PBB pada tahun 1945, atau lebih tepatnya pada Piagam PBB Fasal 71 Bab 10 tentang peranan konsultatif *non-governmental organization*. Ia digunakan untuk membezakan antara hak penyertaan badan-badan pemerintah (*intergovernmental agencies*) dan organisasi-organisasi swasta international (*international private organizations*). Bagi Bank Dunia, NGO didefinisikan sebagai organisasi swasta yang menjalankan kegiatan untuk meringankan penderitaan, mengurangkan jurang kemiskinan, memelihara lingkungan hidup, menyediakan khidmat sosial atau melakukan kegiatan pembangunan masyarakat. (<http://askensinaga.wordpress.com>, 2010)

Dalam kamus *Sains Politik Pentadbiran Awam*, (2009) NGO ditakrifkan sebagai organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat atau sebarang isu yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat.





NGO pada prinsipnya bertindak secara sukarela, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Oleh itu, jenis organisasi (NGO) sedemikian di sebut sebagai *civil society organizations* - Pertubuhan Masyarakat Awam. (<http://Encyclopedia of social work> 2010).

Secara amnya, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) didefinisikan sebagai pertubuhan sosial atau perniagaan yang bukan Kerajaan dan ditubuhkan di bawah undang-undang Tubuh, iaitu Akta Pertubuhan 1966, Akta Syarikat 1965, Akta Perniagaan 1965, Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 dan Akta Parlimen. Manakala menurut perspektif Jabatan Kebajikan Masyarakat, NGO merujuk kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) bercorak kebajikan yang mengendalikan program dan menyediakan perkhidmatan untuk kumpulan sasaran.

Sehubungan ini, enam gabungan prinsip sebagai NGO yang boleh dikatakan unggul ialah *bukan kerajaan non-governmental, non profit making, voluntary, of a solid and continuing form, altruistic dan philanthropic* (Shinichi & Kasian & Apichart 2004).

- (i) *Non-governmental means that an NGO must carry out its decision-making as an organization independently of the wishes of the government.*
- (ii) *Non profit making means that its activities must not be driven by profit-making motives, and that whatever profits may arise from its activities must not be divided among its members for personal benefit.*
- (iii) *Voluntary means that the only qualification for membership must be the desire of an individual to participate. Participation must not be conditional on belonging to some organization.*
- (iv) *A solid and continuing form means that, unlike various forms of voluntary activities carried out on an ad hoc basis, an NGO must be an ongoing entity with a solid organizational form.*
- (v) *Altruistic means that the immediate purpose of an NGO is to act for the benefit of others.*
- (vi) *Philanthropic refers to the fact that an NGO is unlikely to receive adequate payments from recipients of its service.*

Kesimpulannya NGO adalah badan bukan kerajaan atau organisasi swasta yang bertindak secara sukarela, tidak bermotifkan keuntungan atau tujuan politik. Ia ditubuhkan bagi memelihara atau memperjuangkan sesuatu matlamat yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah masyarakat atau lebih khusus, NGO menjalankan kegiatan untuk pembangunan masyarakat. Sehubungan dengan ini, terdapat beberapa NGO Islam seperti MAIM, MPWIM, NUIM dan seumpamanya yang berperanan menyatupadukan dan membangunkan umat Islam di Malaysia.

Di peringkat antarabangsa pula, NGO Islam yang mewakili masyarakat antarabangsa telah diwujudkan apabila tertubuhnya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC- *The Organisation of Islamic Conference*) di Rabat, Maghribi pada 25 September 1969 dan dianggotai oleh 57 buah negara Islam seluruh dunia (<http://Wikipedia.org/wiki/Pertubuhan-Persidangan->





Islam). OIC memainkan peranan penting dalam soal perpaduan dunia Islam seperti yang terdapat dalam piagam OIC. Antara piagam tersebut ialah meningkatkan perpaduan dalam kalangan negara anggota, bekerjasama di bidang politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan sains, mempertahankan kemuliaan, kemerdekaan dan hak umat Islam.

### **PERANAN NGO ISLAM DALAM MEREALISASIKAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI DI MALAYSIA**

Islam Hadhari ditakrifkan sebagai ‘suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh berdasarkan kepada ruang lingkup tamadun Islam bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spirit (rohani), akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing melihat ke hadapan (futuristik), inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, objektif dan praktikal (Alina et.al 2006).

NGO’s Islam bekerjasama dalam menjayakan program Islam Hadhari dan memberi tumpuan kepada penghayatan terhadap 10 prinsip Islam Hadhari dalam pelbagai bentuk penyampaian kepada masyarakat sekitar. Oleh itu, Program Islam Hadhari berusaha menempatkan semula citra umat Islam kepada imej yang sebenarnya menerusi 10 prinsip berikut, iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah, kerajaan yang adil dan beramanah, rakyat yang berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh, hidup berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semula jadi dan kekuatan pertahanan (Mohd Hamdan 2008).

Justeru, kerajaan telah merangka beberapa strategi termasuklah memberi penjelasan kepada semua peringkat masyarakat melalui agensi-agensi yang telah ditetapkan. Kerjasama dengan NGO Islam merupakan konsep perkongsian pintar dengan mengumpul, menyelaras, menyusun strategi dengan menggerakkan pertubuhan amal Islam untuk pembangunan *khair al-ummah*. YADIM (Yayasan Dakwah Islam Malaysia) ialah sebuah organisasi yang bertindak sebagai penyelaras kegiatan NGO-NGO Islam di Malaysia seperti Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM), Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM) dan Nadwah Ulama Dan Ilmuwan Malaysia (NUIM) dengan mewujudkan kesatuan dan kesepakatan dalam usaha merealisasikan pendekatan Islam Hadhari (YADIM). Antara NGO Islam yang terlibat dalam merealisasikan pendekatan Islam Hadhari ialah,

#### **Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM)**

Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) adalah sebuah badan permuafakatan organisasi amal Islam yang ditubuhkan oleh YADIM pada tahun 1999 bertitik tolak daripada Deklarasi Ramadhan 1402H. Keanggotaannya terdiri daripada wakil pertubuhan sukarela Islam. Sekretariat Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) diwujudkan untuk mengurus dan melaksanakan keputusan bagi tujuan penyelarasan. Ia digerakkan atas kesedaran perlunya semua kekuatan dan keupayaan masyarakat Islam digembleng bagi menghadapi cabaran alaf baru. Tenaga ini akan lebih terarah dan berkesan jika dikumpulkan untuk melaksanakan





suatu program khusus bagi pembangunan umat di alaf ini. Salah satu kaedah yang dilakukan oleh pihak MAIM bagi merealisasikan Islam Hadhari ialah dengan mengadakan seminar bagi membincangkan isu-isu Islam Hadhari.

Pada peringkat awal, NGO Islam memahami konsep pendekatan Islam Hadhari secara jelas dan seterusnya menghayati nilainya dan terlibat secara aktif dalam memberi sumbangan kepada negara agar Islam berkembang maju sejajar dengan pembangunan negara pada masa kini. Berdasarkan buku laporan tahunan YADIM, berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan antara tahun 2004-2007 ialah:

- i. Seminar Kefahaman Islam Hadhari
- ii. Seminar Pengupayaan Organisasi Islam Hadhari
- iii. Seminar Kepimpinan Islam Hadhari

Dalam usaha menjayakan Program Islam Hadhari, aktiviti yang berbentuk ceramah mengupas kefahaman Islam Hadhari kepada setiap pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan juga setiap kelompok masyarakat dalam mempertingkatkan keupayaan modal insan. Sehubungan ini, penyampaian maklumat berbentuk ceramah, taklimat dan seminar membolehkan proses interaksi dua hala lebih berkesan bagi mencapai objektif Program Islam Hadhari. Ia disertai oleh pelbagai kelompok sasaran masyarakat yang mewakili NGO Islam seperti Gabungan NGO Muslim Negeri Johor, LKPIM (Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia, PERTIWI (Persatuan Tindakan Wanita Islam) dan kebanyakannya adalah gabungan NGO-NGO di bawah MAIM.

MAIM telah mengumpulkan pelbagai NGO bagi proses penyampaian risalah Islam Hadhari kepada masyarakat awam atau komuniti setempat. Berdasarkan laporan pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari oleh pejabat YADIM Zon Timur bagi tahun 2007, antara aktiviti tersebut ialah Bengkel Kesedaran Jatidiri, Perhimpunan Agamawan (Multaqa Al-Wi'az) Peringkat Kebangsaan, Wacana Ilmu, Seminar kecemerlangan Pekerja/Peningkatan Modal Insan, YADIM Bersama Masyarakat (Program Penghayatan Ilmu) dan Ihya Ramadhan, Kem Perkasa (Sahsiah) Remaja, Seminar Sehari Fiqh Aulawiyat dan Seminar Sehari Peningkatan staff. Apa yang kerap dilaksanakan oleh agen pelaksana Islam Hadhari kepada semua wakil NGO atau masyarakat awam yang terlibat ialah kesedaran jati diri. Ini kerana proses tamadun manusia adalah bermula dari sikap manusia sendiri yang berlandaskan konsep ketakwaan kepada Allah dalam pelaksanaan Islam Hadhari (Pejabat YADIM Zon Timur 2007).

Sehubungan itu, kaedah penyampaian risalah Islam Hadhari yang paling kerap digunakan oleh MAIM bersama wakil-wakil NGO atau masyarakat awam ialah melalui seminar. Objektif seminar Islam Hadhari yang pernah dilaksanakan oleh YADIM Zon Timur dalam tahun 2006 anjuran MAIM dan PERKEP (Persatuan Keluarga Polis) IPD Besut ialah:

- i. Memberi kefahaman tentang prinsip-prinsip Islam Hadhari dan pelaksanaannya.
- ii. Memberi pendedahan, meningkatkan kesedaran dan seterusnya mengambil langkah positif ke arah membina sebuah institusi keluarga yang harmoni dan masyarakat yang diredhai.
- iii. Memupuk kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab suami isteri dalam





membentuk sesebuah keluarga sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam (YADIM Zon Timur 2007).

Berdasarkan peranan yang telah dimainkan oleh MAIM dengan kerjasama YADIM menampakkan usaha yang baik dengan mewujudkan jaringan NGO Islam bersama komuniti atau masyarakat awam. Apa yang diharapkan ialah hubungan NGO Islam dengan ejen pelaksana kerajaan adalah saling memerlukan untuk sama-sama bergerak menjalankan fungsi dan amanah yang dipertanggungjawabkan terhadap pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari.

### **Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia**

Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM) ialah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah YADIM untuk menggembeng tenaga dan kepakaran kaum wanita ke arah memartabatkan kaum wanita dan menggerakkan potensi kaum wanita, kuasa intelek, kepakaran dan keprihatinan mereka untuk membangunkan umat.

MPWIM diwujudkan pada Jun 2000. Falsafah MPWIM ialah untuk menjadikan al-Quran, Sunah, ijmak' ulama dan kias sebagai sumber panduan untuk menentukan hala tuju dan strategi bagi menangani permasalahan wanita (Adawiyah & Salasiah 2009).

Dalam konteks Program Islam Hadhari, ia berperanan untuk memastikan bahawa pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita di Malaysia terjamin dan terpelihara. Prinsip ini menuntut kewujudan dasar, undang-undang, sikap dan tindakan pihak kerajaan yang prihatin dan saksama terhadap hak-hak minoriti dan wanita yang sering terabai. Oleh yang demikian, tuntutan hak-hak itu hendaklah dibuat tanpa menjejaskan nilai-nilai dan norma agama atau tatasusila budaya tempatan. Dalam konteks Program Islam Hadhari, aktiviti-aktiviti yang dijayakan antara tahun 2004-2007 ialah:

- i. Seminar Keluarga Islam Hadhari
- ii. Seminar Wanita Hadhari
- iii. Wacana Wanita: Kepimpinan & Jati diri Wanita Dalam Islam Hadhari (YADIM 2004-2007)

Sehubungan ini, proses penyampaian maklumat tentang Program Islam Hadhari dapat disampaikan kepada kelompok sasaran wanita dalam masyarakat yang mewakili NGO wanita Islam yang lain. Dengan ini, perpaduan dalam kalangan wanita Islam mahupun bukan Islam akan meningkat apabila masing-masing bekerjasama dalam memastikan falsafah dan prinsip Islam Hadhari dapat dihayati dalam setiap agensi dan institusi. Justeru, proses 5P iaitu – KEFAHAMAN, KEIKHLASAN, KOMITMEN, KONSISTENSI, KERJASAMA, KOORDINASI, AKAUNTABILITI dan INTEGRITI adalah paling penting dan kritikal dalam semua jentera pentadbiran awam dan kementerian yang terlibat secara langsung dengan Program Islam Hadhari. Setiap satu Prinsip Program Islam Hadhari memerlukan satu gerak kerja yang jujur, gigih, serius dan berterusan untuk mencapai hasil yang benar-benar positif (Mohd Kamal 2006).





Setiap aktiviti yang dijalankan oleh MPWIM merupakan salah satu cara membantu merealisasikan prinsip ke-10 pendekatan Islam Hadhari, iaitu pembelaan hak wanita dan kaum minoriti. Ini kerana setiap aktivitinya mempunyai misi dakwah untuk kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat.

### **Nadwah Ulama dan Ilmuwan Malaysia**

Nadwah Ulama Dan Ilmuwan Malaysia (NUIM) ditubuhkan sebagai satu landasan kepada para intelektual, profesional, golongan agama dan mahasiswa serta mahasiswi melahirkan idea-idea bernas hasil dari buah fikiran, penyelidikan dan perbincangan. Idea ini akan disumbangkan kepada masyarakat sebagai pemangkin kepada pembentukan minda yang progresif, quranik dan hadhari dalam memahami Islam dan proses penghayatannya. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh NUIM dalam menjelaskan program Islam Hadhari antara tahun 2004-2007 ialah:

- i. Mesyuarat AJK Penerbitan Buku Islam Hadhari
- ii. Nadwah Ulama' Ilmuan Malaysia (Pelancaran Buku Islam Hadhari)
- iii. Buku Islam Hadhari
- iv. Bengkel Penulisan Buku Islam Hadhari
- v. Wacana Islam Hadhari
- vi. Mesyuarat Penubuhan Kelab Islam Hadhari

NUIM banyak berperanan dari aspek pembinaan idea dan strategi untuk merealisasikan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia.

Sebagai kesimpulan keseluruhan dari perbincangan di atas tentang peranan NGO Islam dalam pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia, didapati bahawa pelbagai kaedah dakwah telah digunakan oleh NGO Islam untuk melaksanakan konsep Islam Hadhari. Ini termasuk hal memahami budaya realiti golongan masyarakat setempat di Malaysia. NGO Islam memerlukan pendakwah profesional dalam melonjakkan usaha ke arah peningkatan pembangunan dan perubahan sosial Negara seimbang yang menjadi falsafah dalam konsep Islam Hadhari.

Dalam menggalas tanggungjawab dalam masyarakat, NGO Islam merupakan wahana yang ideal sebagai pemangkin kerajaan untuk menjayakan konsep Islam Hadhari yang berasaskan kepada semangat sukarela dan *'amal jamā'īyy* dalam masyarakat. Oleh yang demikian, NGO bukan dilihat sebagai aktivis kebajikan dalam kalangan ahli-ahlinya sahaja bahkan bertanggungjawab menyebarluaskan ilmu pengetahuan dalam kalangan umat Islam supaya terbentuk pembudayaan Islam Hadhari dalam masyarakat sekitar. Bagi menjayakan program Islam Hadhari di Malaysia, NGO Islam disarankan supaya turut mengambil bahagian bagi menjelaskan kefahaman masyarakat mengenai pendekatan Islam Hadhari serta melaksanakan penghayatannya melalui pertubuhan masing-masing. Berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti pelaksanaan Program Islam Hadhari dapat disimpulkan bahawa fungsi NGO Islam dalam merealisasikan pendekatan Islam Hadhari ialah:





- i. Bersifat proaktif dalam proses penyertaan di setiap program bersama pihak kerajaan bagi memahami pelaksanaan program Islam Hadhari untuk disampaikan kepada semua lapisan masyarakat sekitar.
- ii. Mewujudkan kesedaran beragama melalui pembudayaan semula masyarakat menerusi program atau aktiviti latihan umum sebagai bekalan ilmu kepada masyarakat dengan wawasan keislaman, nasihat dan bimbingan, ceramah, wacana, seminar, penerbitan artikel, majalah dan pelbagai jenis kaedah penyampaian yang dapat memberi kesan kepada hati dan minda manusia.
- iii. Menjadi pelopor dalam menangkis salah faham amalan kehidupan masyarakat Islam.
- iv. Membuat perancangan sosial yang bersepadu dalam pelaksanaan agenda Program Islam Hadhari.

NGO juga berperanan menjelaskan konsep 'Islam Hadhari'. Konsep '*hadhārah*' di dalam Islam amat berbeza dengan konsep Barat walaupun ada beberapa aspek persamaan tentang betapa pentingnya memakmurkan bumi ini. *Hadhārah* ialah kegiatan yang dilakukan oleh manusia dalam pelbagai kehidupan bagi mencapai matlamat kewujudannya. Oleh itu pada permulaannya adalah wajar untuk mengetahui matlamat kewujudan manusia sebelum difahami kandungan '*hadhārah*' yang sesuai untuk dicapai. Islam telah menetapkan dengan jelas segala sesuatu di hadapan manusia pada tempatnya yang betul dan sah. Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 61:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

"Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya."

(Hud:61)

'*Hadhārah*' bukan setakat memakmurkan bumi dari segi kebendaan sahaja tetapi termasuk dalam *hadhārah* ialah memakmurkan bumi mengikut minhaj *rabbāniyy*. Inilah '*hadhārah*' akan mencapai maksud sebenar kewujudan manusia kerana ia termasuk dalam konsep ibadat yang luas. Dalam usaha mencapai peradaban manusia yang unggul, program kerja yang pertama kali dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sesampainya di Madinah adalah membangun masjid, maka bermulalah gerakan keilmuan dalam kalangan penduduk di sekitarnya. Bagi menyelamatkan manusia dalam kekeliruan tatacara kehidupan Islam, hanya akal yang dilimpahi dengan cahaya bimbingan akan melihat dengan mata hati sebarang alat untuk mencapai kejayaan dan mengakuinya. Nilai akal manusia dan kesannya sebagaimana kata Imam al-Banna dalam Muhammad al-Ghazali (1988):

...Islam membebaskan akal dan menggalakkan penghayatan terhadap alam dan memandang nilai dan darjat ilmu dan ulama' serta mengalu-alukan







*dengan apa yang membawa baik dan bermanfaat dari segenap perkara. ...*  
Sabda Rasul Allah SAW yang maksudnya:

Kalimah *al-Hikmah* adalah barang yang dicari-cari oleh orang mukmin, di mana ia dapati maka dia berhak kepadanya. (al-Tirmidhi, *al-Jāmi' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi*, kitab: *al-'Ilm*, bab: 11, hadis: 2687, hlm: 51)

Bagi memahami amalan pendekatan Islam Hadhari, Indeks Pembangunan Ummah Malaysia (MUDI) (Ahmad Sarji 2008), telah menggariskan panduan yang merangkumi Indeks Pembangunan Ekonomi, Indeks Pembangunan Sosial (yang merupakan indeks-indeks IPK-Indeks Pembangunan Komposit) dan komponen baru yang diperkenalkan iaitu, Indeks Pembangunan Rohani. Indeks Pembangunan Rohani terdiri dari tujuh petunjuk seperti berikut:

- i. Bilangan Masjid per 10,000 penduduk.
- ii. Bilangan Pembayar Zakat per 10,000 penduduk.
- iii. Bilangan Pendeposit Tabung Haji per 10,000 penduduk.
- iv. Bilangan Profesional Berdaftar per 10,000 penduduk.
- v. Bilangan Pelajar Sekolah Agama per 10,000 penduduk.
- vi. Bilangan Penagih Dadah per 10,000 penduduk.
- vii. Bilangan Jenayah Integriti per 10,000 penduduk.

Dengan berpandukan penanda aras kemajuan Islam Hadhari, maka adalah menjadi tugas NGO Islam memahami bahawa tugas sebenar bagi manusia di muka bumi adalah sebagai khalifah untuk menguruskan dunia umat Islam demi kemajuan seluruh umat manusia.

## CADANGAN

Pelaksanaan program pendekatan Islam Hadhari hendaklah dilakukan dengan istiqamah untuk mendapat keredaan Allah SWT dengan melakukan usaha-usaha ke arah menjayakan program Islam Hadhari di Malaysia. Berikut adalah cadangan-cadangan ke arah kebaikan wawasan Islam Hadhari.

- i. Mewujudkan amalan kerjasama dalam bentuk kolaborasi dan koordinasi dengan pelbagai agensi dan institusi sosial dalam soal gerak kerja. Gabungkan gerak kerja NGO Islam dalam Program Islam Hadhari dengan misi nasional yang sedia ada seperti Majlis Sosial Negara, Program Integrasi Nasional dan lain-lain sektor untuk melonjakkan lagi misi Islam Hadhari di Malaysia. Penjenamaan semula amalan integriti perlu dihidupkan.
- ii. Menyemarakkan gerakan keilmuan dalam pelbagai metodologi penyampaian Program Islam Hadhari dengan proses penterjemahan buku-buku bermutu yang berkaitan dengan falsafah, tamadun Islam dan Islamisasi ilmu pengetahuan manusia. Selain itu, penyiaran risalah-risalah bagi tujuan kesedaran beragama hendaklah di perkasa. Bertindak dalam arus masyarakat bagi memurnikan amalan kefahaman Islam yang salah dalam kehidupan Muslim melalui bidang media penerangan





- dalam membentuk pandangan umum yang benar.
- iii. Memakmurkan institusi masjid sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW menerusi program pertama dalam membudayakan hidup masyarakat Madinah dengan mendirikan masjid. Ini adalah kerana solat berjemaah merupakan parameter adanya kemakmuran masjid dan juga merupakan indikator sifat keagamaan dan hubungan kemasyarakatan dalam sesebuah kelompok masyarakat. Oleh itu, program memakmurkan masjid dengan mengembalikan fungsi masjid sebagai tapak peradaban ummah dalam bentuk urus tadbir yang baik. Mewujudkan sistem Koperasi Hadhari di masjid-masjid adalah bentuk inisiatif yang bagus.
  - iv. Menggerakkan pasukan *'amal jamā'iy* dalam konsep pencegahan dan pemulihan dalam memandang kepada isu-isu permasalahan masyarakat. Sebagai pra syarat masyarakat bertamadun, pembangunan modal insan perlu diungguli. Oleh yang demikian, gerak kerja untuk menarik ramai para sukarelawan dalam komuniti setempat untuk menumbuhkan semangat perpaduan dalam masyarakat menerusi sumbangan masa, tenaga dan sumber kewangan bagi amalan kebajikan. Justeru itu, amalan pendekatan *'reach out to the community'* hendaklah berdasarkan kepada semua aspek keperluan hidup manusia.
  - v. Mengusahakan tabung dana Islam Hadhari. Oleh sebab NGO Islam adalah merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan, maka ia sangat memerlukan sumbangan dana dan penyertaan masyarakat. Walaupun sesetengah NGO Islam menerima bantuan kerajaan, akan tetapi penubuhan NGO Islam masih bersifat amalan sukarela dan melaksanakan program manfaat untuk ahli-ahli NGO dan kemasyarakatan dengan niat yang murni dan saham kebajikan. Oleh itu, hendaklah memupuk ahli-ahli dan penyertaan masyarakat untuk memberi sumbangan dana sebagai *'blueprint'* atau 'raja' sebagai pelan tindakan untuk program manfaat bersama.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa NGO Islam turut memainkan peranan mereka dalam merealisasikan pendekatan Islam Hadhari di Malaysia. Perbincangan hanya menumpukan kepada tiga NGO sahaja, walau pun sebenarnya banyak lagi NGO Islam lain yang turut memainkan peranan mereka. Semua aktiviti pelaksanaan Program Islam Hadhari yang diusahakan oleh NGO Islam adalah dalam bentuk *'amal jamā'iy* kerana sebagai NGO Islam, ia bergerak secara berterusan dan didukung atas rasa amal bakti kerana Allah SWT untuk mewujudkan kesedaran beragama di dalam lingkungan masyarakat sekitar. Adalah sangat penting kumpulan pemangkin majoriti dapat mempengaruhi kumpulan minoriti sebagai *multiplier effect* dalam mewujudkan perubahan sosiobudaya dalam masyarakat untuk menuju pula ke arah perubahan sosioekonomi dan sosiopolitik. Kepelbagaian dan kemajmukan yang dimiliki oleh Malaysia adalah keunikan hidup secara aman dalam pendekatan Islam Hadhari. Lantaran Islam menggariskan hak-hak kebebasan beragama dan menghormati perbezaan, namun nilai-nilai murni universal seperti akhlak dan moral, adat dan norma hidup sosial yang harmoni perlu dipertahankan dan dipelihara dan menjadi salah satu isu dalam aktiviti NGO Islam.





## RUJUKAN

### Al-Quran

- Adawiyah Hj. Ismail, Salasia Hanin Hamjah. 2009. Peranan MPWIM ke Arah Mempergiatkan Aktiviti Dakwah dalam *Buletin Suaranita*. bil. 62.
- Ahmad Sarji (pynt.). 2008. *Amalan Pendekatan Islam Hadhari*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Hamdan Adnan. 2008. *Perkembangan Perhubungan Awam Kerajaan Dan Politik Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Mohd Kamal Hassan. *Prosiding Konvensyen Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan 2006. YADIM 2004 -2007. Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Pejabat YADIM Zon Timur. 2007. *Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Shinichi, Kasian & Apichart. 2004. *The NGO Way: Perspectives and Experiences From Thailand*. Japan: Chiba.
- Muhammad al-Ghazaliyy. 1988. *Dustur al-Wehdah al-Thaqāfiyyah Bayn al-Muslimin*. t.tp: Dar al-wafa' al-Mansurah.
- Ahmad Nidzamuddin, Wan Idros, Mohd Mahadi (pnsy.). 2009. *Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sūrah. t.th. *Al-Jāmi' al-sahih, sunan al-Tirmizi 209h-297h*. Beirut: Dar Ihyā' al-Turath.
- <http://askensinaga.wordpress.com/2008/06/02/ngo> (2010 Ogos 25).
- <http://Wikipedia.org/wiki/Pertubuhan-Persidangan-Islam> (2010 Oktober).
- <http://Encyclopedia of social work> (2010).

